

KESAN COVID-19 TERHADAP IBADAH KORBAN

Oleh: Rabiatul Adawiyah binti Isa,
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Disiarkan pada 14 Ogos 2020



Ayah (Isa) memastikan kebersihan lembu dan kandang sentiasa bersih

Pada tarikh 31 Julai 2020 bersamaan 10 Zulhijjah 1441 jatuhnya hari pertama tasyrik yang juga disebut sebagai Hari Raya Aidiladha atau Hari Raya Haji.

Penularan wabak COVID-19 yang berlaku sejak awal tahun sehingga kini memberi kesan kepada para penternak haiwan korban. Mereka berasa bimbang terhadap hasil pendapatan yang dijangka berkurangan.

Situasi itu dialami oleh ayah saya sendiri yang mengusahakan ternakan lembu. Kebiasaannya orang ramai akan menempah lembu korban seawal dua bulan sebelum Hari Raya Aidiladha.

Namun kali ini, hanya lima ekor sahaja lembunya yang laku kira-kira sebulan sebelum tarikh itu.

Kesedihan dan kerisauan terpancar di wajah ayah. Purata jualan lembu korban pada tahun-tahun sebelumnya adalah sebanyak 40 ekor lembu.

Disebabkan pandemik COVID-19, ayah tidak menaruh harapan yang tinggi dan hanya menyediakan 15 ekor lembu korban sahaja.

Namun, tidak disangka dengan izin Allah SWT, dua minggu sebelum Hari Raya Aidiladha, permintaan meningkat sehingga mencecah 30 ekor lembu.

Agak sukar untuk ayah saya mendapatkan lembu korban tambahan kerana harganya lebih mahal berbanding lembu yang dijual untuk tujuan lain.

Hal ini disebabkan, syarat umur lembu yang hendak dikorbankan adalah sempurna umurnya dua tahun dan masuk tahun ketiga atau yang telah gugur gigi hadapannya.

Pernah berlaku pada hari berlangsungnya ibadah korban, apabila ditangkap lembu dan mendapati haiwan itu tersebut tidak bersalin gigi, ayah saya segera meminta pembeli lembu tersebut memilih lembu lain.

Selain itu, ayah perlu mendapatkan kelulusan permit sembelihan haiwan daripada pihak berkuasa veterinar tempatan. Ayah perlu memberi nama dan maklumat berkaitan wakil pembeli setiap ekor lembu korban.

Tidak kesemua mereka terus membalas pada kali pertama apabila ayah menghantar mesej atau menelefon mereka untuk mendapatkan butiran. Ada yang berkali-kali diminta baru dibalas.

Pemantauan pelaksanaan aktiviti sembelihan lembu korban tahun sebelumnya hanya melibatkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar sahaja namun kali ini, turut disertai pihak berkuasa lain seperti polis.

Langkah itu bagi memastikan rakyat mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan bagi mengekang penularan COVID-19.

Memang suasana ibadah korban kali ini sangat berbeza berbanding tahun-tahun sebelumnya. Walaupun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat, ibadah yang dimulakan oleh Nabi Ibrahim a.s. itu dapat diteruskan juga.

Saya juga bersyukur kerana masih ada rezeki yang dikurniakan Allah SWT kepada ayah dan penternak-penternak lembu yang lain dalam keadaan yang sangat mencabar ketika ini.



Pekerja membaik pulih palong lembu yang rosak